

DI SEKITAR PEMBANGUNAN KESATUAN PELAJAR-PELAJAR AGAMA SE-MALAYA

Pada 31 Disember 1954 dan 1 Januari 1955 telah berlangsung satu persidangan di Sekolah Melayu Princess Road Kuala Lumpur, yang dihadiri oleh wakil-wakil dari sekolah-sekolah agama seluruh Malaya dan Singapura. Dengan itu tertubuhlah Kesatuan Pelajar-Pelajar Agama (Islam) Se-Malaya atau “KEPAS”.

Setelah menjalani hidup semenjak mula ditubuhkan hingga sudah berlalu lenyap tahun 1955 dan memasuki tahun 1956, kelihatan pula lampu yang sudah dinyalakan itu menjadi malap, minyaknya sudah tinggal sedikit dan sumbunya sudah pendek, tidak jejak ke bawah.



(oleh : Muhammad Ikhwan)

Tatkala ditanya oleh beberapa orang kawan-kawan, baik yang menjadi ahli di dalamnya atau tidak, saya hanya dapat menjawab : “Mereka undur menyusun barisan!”

Seperti lain-lain pertubuhan, persatuan, gabungan dan parti. Walaupun tidak mustahil, tetapi satu-satu kelemahan, kesukaran, tentu akan ditemui terutama pada permulaannya. Kelemahan dan kesukaran-kesukaran itu pula memang sangat-sangat menghendaki kewaspadaan dan kekuatan tenaga yang bukan kecil.

Melihat dari luar bangunan, menembusi celah-celah jaring dinding! Saya berkata :

Untuk memperbaikinya adalah berkehendakkan antara lain-lain kepada tiga perkara di bawah ini :

1. Membuang segala macam sentimen yang tidak berasas.

2. Bergaul dengan lain-lain pertubuhan yang tidak berbahaya, sambil mengisi kekosongan dan memberikan pertolongan yang sewajarnya.

3. Mempelajari akan sekitar kemajuan di luar dan di dalam tanah air.

Di dalam tulisan ini saya tidaklah memberikan apa-apa pandangan terhadap ahli jawatankuasa yang bertakhta di singgahsana tersebut. Walaupun sekilat ikan di air sudah diketahui jantan betinanya! Kerana soal itu ialah soal rumahtangga dan akan sesuatu yang berada disekitar rumahtangga adalah sangat disesali kalau turut diperkatakan oleh orang-orang asing, malahan akibatnya sangat besar.

Semenjak dilangsungkan tajaannya hingga keputusannya disahkan dengan butir-butirnya yang tertentu, termaktub

di lembaran-lembaran pengakuan dan penerangan. Sudah bermulalah disasarkan menjadi buah mulut kawan-kawan terutama dari bijak pandainya, dengan mengatakan bahawa keinginan untuk hidup bersendiria ialah cara perjalanan kesatuan yang kurang bijak, dan merugikan perkumpulan yang mahukan hidup di tengah-tengah masyarakat, dengan perjuangan-perjuangan di atas arena yang luas dan lebar.

Bagi menegaskan fikiran ini, pandanglah sahaja ke arah dunia kenyataan dan perkembangan kemajuan umat dan alam.

Sebagai putera-putera Islam, patutlah membuat perhubungan keluar umpama dengan pertubuhan-pertubuhan yang sama aliran dan asas di Indonesia, Pakistan, India, dan lain-lainnya. supaya bantuan-bantuan dan perhubungan yang memiliki tali kekuatan itu berjalan dengan cergas dan membuahkan hasil yang dicita-citakan itu.

Tuan Sujtamoko seorang pengarah penerbitan

di Indonesia dan Tuan Usuluddin Putagalong (wakil ketua Himpunan Mahasiswa Islam Indonesia) dengan ditemani oleh Konsul Indonesia di Kuala Lumpur Tuan Rashid Manan, di dalam suatu ceramahny dengan pelajar-pelajar Kolej Islam Malaya, antara lain-lain berkata :

Kalau sekiranya ada perhubungan antara pelajar-pelajar agama Islam di Malaya dengan pelajar-pelajar di Indonesia, tentulah lebih memberi sesuatu persuaian yang lebih besar di dalam beberapa kebangkitan dan kekuatan.

Kami tahu bahawa pelajar-pelajar di Indonesia akan tetap menerima sebarang perhubungan dari luar terutama Persatuan Pelajar-Pelajar Islam dari Malaya.

Inilah suatu pelajaran di dalam kesatuan, dan pelajaran ini sangat baik sekali kalau diamalkan. Hiduplah KEPAS! Dengan berkembang hasil-hasil perjuangannya ke seluruh persada tanah air!

TELEPHONE
تليفون

Pelajaran Arab
Pelajaran Agama
Pelajaran Inggeris

Belajarlh dengan Pos

pelajaran agama	sebulan	\$3.00
pelajaran Arab	sebulan	\$3.00
pelajaran Inggeris	sebulan	\$3.00

pelajaran dengan pos tiap-tiap minggu
penuntut-penuntut baharu diterma
kirim wang terus kepada:-

tak payah kalau pergi sekolah
tuan boleh belajar di rumah sahaja

**YAHYA ARIFF 37 JALAN KANGSAR
KUALA KANGSAR**